

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang  
[ Sibuti ]**

**NO. SOALAN : 178**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**  
menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Program Kampung Abad ke-21 yang telah diwujudkan di seluruh negara sejak tahun 2013; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk membawa program Kampung Abad ke-21 ke Parlimen Sibuti.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2013, sebanyak 29 buah kampung telah dipilih dari seluruh Negara untuk dimajukan di bawah program ini. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 13 buah kampung lagi telah dipilih untuk dimajukan di bawah program ini.

Untuk makluman yang Y.B., pemilihan kampung dibuat melalui penilaian yang mana senarai kampung dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri / KPLB Sarawak. Kriteria utama kampung yang akan dipilih ialah:

- i. Kampung-kampung cemerlang dan berpotensi untuk dimajukan (pernah memenangi pertandingan-pertandingan bersifat '*community based*' seperti Anugerah Desa Cemerlang (ADC), Anugerah Desa Sejahtera, Anugerah Ilham Desa, dsb);
- ii. Mempunyai sekurang-kurang 30% belia / kumpulan produktif dari jumlah penduduk kampung;
- iii. Mempunyai aktiviti ekonomi (atau '*iconic product*') yang berdaya maju yang dilaksanakan secara berk komuniti;
- iv. Kemudahan infrastruktur asas yang lengkap - (jalan, bekalan elektrik, bekalan air, capaian talian telefon);
- v. Lokasi yang strategik serta mempunyai kelebihan-kelebihan dan keistimewaan tertentu (unik);

- vi. Tiada masalah sosial yang serius serta keadaan sosio-politik yang stabil ; dan
- vii. Persekitaran yang indah serta mempunyai nilai-nilai tradisi dan kebudayaan kampung yang unggul.

Pihak KKLW akan memohon senarai cadangan kampung yang berpotensi di peringkat negeri daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk penilaian pemilihan kampung Desa Lestari tahun 2015.